

0413

UB854 A A B
MAHATHIR - TENTERA

I

KUALA LUMPUR, 2 DIS (BERNAMA) -- PERBELANJAAN PERTAHANAN DAN PERANAN ANGKATAN TENTERA TIDAK SEMESTINYA AKAN DIKURANGKAN BERIKUTAN PERLETAKAN SENJATA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM), KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEBALIKNYA, ANGKATAN TENTERA AKAN DIARAH MEMUSATKAN PERHATIAN BAGI MEMASTIKAN KESELAMATAN KAWASAN DARAT DAN PERAIRAN NEGARA TERUTAMA ZON EKONOMI EKSKLUSIF (ZEE), KATA PERDANA MENTERI.

ANGKATAN TENTERA JUGA AKAN DIARAH MENINGKATKAN USAHA KE ARAH MELENGKAP DIRI SEBAGAI PASUKAN KONVENSYENAL YANG BERKESAN DAN MENGEKALKAN KEBERKESANANNYA DALAM PEPERANGAN GERILA, KATA BELIAU PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

+TANGGUNGJAWAB BARU SEPERTI ITU TIDAK BERMAKNA BAHAWA KITA AKAN MENGURANGKAN PERBELANJAAN PERTAHANAN KERANA BEBERAPA PERALATAN DAN SENJATA BARU PERLU DIBELI BAGI PERANAN BARU ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN PERLU MENJALANKAN KAJIAN MENDALAM BAGI MEMINIMUMKAN PERBELANJAAN TENTERA BAGI PERANAN BARU ITU.

PKM, YANG MELANCARKAN KEGIATAN BERSENJATA SEJAK DARURAT DIISYTIHARKAN PADA 1948, HENAMATKAN PERJUANGAN BERSENJATA BERIKUTAN TERMETERAINYA PERJANJIAN PERDAMAIAN DENGAN KERAJAAN MALAYSIA DAN THAILAND DI HAADYAI, THAILAND HARI INI. -- BERNAMA
1706MST 0 2 12 8 9